

Bersatu menjayakan Wawasan 1440 Hijrah IDB

UM- 26/3/2006

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

MESYUARAT Ketiga Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB) berakhir Jumaat lalu.

Ini bermakna Wawasan 1440 Hijrah IDB yang menjadi asas penubuhan suruhanjaya 11 anggota yang dipengerusikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad itu telah dilancarkan secara rasmi.

Menariknya, wawasan yang bakal merencanakan hala tuju ummah untuk tempoh 15 hingga 20 tahun akan datang itu dilancarkan di Kuala Lumpur, Malaysia - negara kelahiran konsep Wawasan 2020.

Lebih sinonim, ia dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang menaungi negara-negara Islam.

Laporan 'wawasan untuk maruah insan' setebal 34 halaman itu disiapkan dalam tempoh sebulan.

Ia mengandungi tujuh bab iaitu IDB: Masa Untuk Kaji Diri dan Berubah, Cabaran Strategik Dunia Islam dan IDB, Wawasan Pembangunan Islam, Wawasan 1440 Hijrah IDB, Misi IDB, Teras-Teras Strategik dan Dari Wawasan Menjadi Realiti: Jalan Menuju 1440 Hijrah.

Tepatnya wawasan ini merupakan dokumen komprehensif yang akan menentukan kedudukan ummah khususnya negara-negara Islam menjelang tahun 2020 dan selepasnya.

Ia merupakan wawasan 56 negara anggota IDB yang juga 57 anggota OIC. Ia juga adalah wawasan 1.5 bilion umat Islam yang bertebaran di serata dunia.

Namun 'berap kerat' sahaja daripada 1.5 bilion umat Islam menyedari dan memahami mengenai kepentingan Wawasan 1440 Hijrah IDB ini. Yang sedar mengenai wawasan itu pula - 'skeptikal' atau ragu-ragu mengenai kejayaan pelaksanaannya.

Pada sidang media Tun Dr. Mahathir Mohamad lewat malam kelmarin, beliau ditanya oleh wartawan asing bagaimana hendak memberitahu orang ramai khususnya umat Islam tentang kepentingan Wawasan 1440 Hijrah IDB ini.

Dan jawapan Dr. Mahathir senada dengan penegasan oleh Abdullah iaitu setiap kerajaan negara anggota mesti memberikan komitmen - menjelaskan kepada rakyat negara masing-masing dan beriltizam menyokong pelaksanaan wawasan.

IDB sendiri menunjukkan keterujaan untuk berubah apabila tanpa berlengah-lengah mengenal pasti beberapa bidang untuk *kick-off* projek serta-merta antaranya pendidikan dan latihan.

"Mulai hari ini, orang tidak akan menghakimi IDB atas apa yang telah dilakukan selama ini tetapi apa yang akan dilakukan olehnya selepas ini," kata Presiden IDB, Dr. Ahmed Mohamed Ali ketika memperkatakan mengenai Wawasan 1440 Hijrah IDB.



DR. MAHATHIR (kiri) mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah IDB di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Suruhanjaya berpendapat ini adalah masanya untuk IDB melakukan muhasabah diri dan perubahan lantas reformasi IDB menjadi kunci strategik pertama daripada sembilan teras yang digariskan dalam wawasan itu.

Hanya selepas IDB melakukan reformasi dalam institusi kewangan Islam itu barulah teras-teras lain iaitu membasmi kemiskinan; menggalakkan kesihatan; menyediakan pendidikan universal; memakmurkan ummah; memperkasa wanita Islam; mengembangkan industri kewangan Islam; memupuk integrasi di kalangan negara anggota IDB dan dengan dunia, datang berturutan dengan lancar.

Matlamat

Dan selepas itu matlamat untuk mencapai teras kesembilan wawasan iaitu memperbaiki imej dunia Islam tidak menjadi mustahil lagi.

Mengambil pengalaman melaksanakan konsep Wawasan 2020, Malaysia dengan jumlah penduduk hanya 26 juta orang, kini menduduki tangga ke-17 negara perdagangan terbesar dunia.

Jumlah eksport negara mencecah AS\$100 bilion setahun dan terus berkembang terutama melibatkan produk perkilangan.

Malaysia secara relatifnya mempunyai rizab petroleum yang kecil. Tetapi langkah bijak melibatkan Petronas dengan pelbagai aktiviti daripada eksplorasi dan pengeluaran hingga ke petrokimia, perkapalan dan peruncitan - malah melebarkan sayap meneroka pasa-

ran antarabangsa - Petronas hari ini beroperasi di 36 negara dalam pelbagai bidang industri petroleum.

Bayangkan 57 negara Islam menggunakan secara optimum segala kemahiran dan kepakaran sesama kita untuk mengeksploitasi segala sumber termasuk kekayaan hasil bumi (khususnya minyak) yang dianugerah Tuhan.

Bayangkan pula jika 1.5 bilion umat Islam - menggunakan sepenuhnya pasaran besar itu untuk membantu 'melariskan' produk-produk keluaran negara Islam.

Masalah dunia Islam yang dikenal pasti sekian lama ialah pengagihan sumber yang tidak seimbang di mana sesetengah negara terlalu kaya dan negara lain pula terlalu miskin.

Sebanyak separuh daripada negara anggota IDB adalah dalam kumpulan negara kurang membangun. Ini termasuk Afghanistan, Bangladesh, Benin, Burkina Faso, Chad, Comoros, Djibouti, Gambia, Guinea, Maldives, Mali, Mozambique, Niger, Senegal, Sierra Leone, Somalia, Sudan, Togo, Uganda dan Yemen.

Manakala umat Islam lebih dikenali sebagai masyarakat pengguna dan bukannya pengeluar.

Dalam hal ini, cabaran IDB ialah menggalakkan tadbir urus baik di kalangan negara anggota dan menghapuskan rasuah yang menjadi sebahagian budaya di kebanyakan negara Islam bagi memastikan teras kejayaan wawasan terlaksana.

Membasmi kemiskinan yang merupakan teras strategik kedua wawasan, juga perlu menjadi agenda

teratas IDB dan negara-negara anggota sehingga ia tidak lagi menjadi raut landskap yang dikaitkan dengan Islam.

Jika tidak, matlamat Wawasan 1440 Hijrah IDB untuk mengembalikan maruah dan martabat dunia Islam akan menjadi harapan yang sia-sia.

"Tidak ada yang lebih menjatuhkan maruah insan selain kemiskinan. Ini kerana bersamanya wujud kelaparan, keburluran, buta huruf, penyakit, jenayah dan ketidakseimbangan.

"Orang miskin tidak dihormati sebaliknya dipandang rendah," demikian menurut laporan suruhanjaya itu.

Justeru di bawah wawasan jangka panjang itu, IDB perlu menjadi dinamik dan proaktif termasuk menyalurkan pembiayaan pinjaman kepada syarikat-syarikat di negara anggota untuk menjalankan projek-projek pembangunan yang telah dikenal pasti.

Di sini kerjasama sektor swasta diperlukan untuk bersama-sama kerajaan negara-negara Islam menjayakan projek-projek khususnya pembinaan infrastruktur bagi menjana pertumbuhan sosioekonomi dan kemakmuran ummah.

Di peringkat rantau dan antarabangsa, selain OIC, pertubuhan seperti Majlis Kerjasama Teluk (GCC), Kerjasama Serantau Bagi Persatuan Asia Selatan (SAARC), Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO) dan ASEAN boleh turut memainkan peranan masing-masing.

Pemangkin

Paling penting, IDB sebagai instrumen OIC yang menjadi pemangkin pembangunan dunia Islam boleh dan perlu memainkan peranan utama menterjemahkan wawasan menjadi realiti.

Menyedari kecenderungan umat Islam berpolemik, Dr. Mahathir selaku pengerusi suruhanjaya awal-awal lagi mengakui wawasan itu akan ada kelemahan dan kekurangannya di mana-mana.

"Tetapi janganlah kita membuang masa mendebitkan teksnya sedangkan yang penting ialah pelaksanaan isi atau teras-terasnya," ujar bekas Perdana Menteri.

Sejak lebih seribu tahun perdebatan tentang tafsiran agama Islam telah memecahbelahkan umat menjadi ribuan taifah dan kultus.

Perpecahan telah melemahkan perpaduan umat Islam, menjadi musuh sesama sendiri sedangkan mereka saudara seagama.

Justeru untuk mencapai wawasan ini janganlah pula kita berpecah lagi oleh polemik dan perkara remeh-temeh sehingga tersasar daripada tugas membangunkan ummah.

Marilah kita menghargai keperluan yang lebih penting untuk membangun sebagai cara memperkuat kedudukan kita dan mengembalikan maruah umat Islam dan agama suci ini.